



## **JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

### **KENYATAAN MEDIA (31 OKTOBER 2020)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini **sembilan (9) kes** positif COVID-19 dikesan di Sarawak. Daripada jumlah tersebut, seramai enam (6) kes adalah di daerah Kuching, dua (2) kes di daerah Miri dan satu (1) kes di daerah Samarahan. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 881 kes.**

#### **A. Kes COVID-19 Baharu**

##### **i) Daerah Kuching (6 Kes Baharu)**

Seramai enam (6) kes baharu telah dikesan positif COVID-19 di Daerah Kuching.

##### **a) Kes Saringan Kontak Kepada Kluster Greenhill (5 Kes Baharu)**

- i) Dua (2) kes merupakan pekerja yang bekerja di salah sebuah premis yang pernah dikunjungi oleh kes positif COVID-19 dalam kluster ini. Kedua-dua kes ini mengalami gejala demam.

- ii) Dua (2) kes kontak sosial yang mempunyai sejarah berjumpa dengan kes-kes di dalam kluster ini di Kuching.
- iii) Satu (1) kes merupakan kontak rapat kepada kes ke-855 yang telah dilaporkan pada 29 Oktober 2020. Kes tidak mengalami tanda dan gejala.
- iv) Kesemua lima (5) kes ini telah menjalani saringan COVID-19 antara 29 Oktober dan 30 Oktober 2020. Keputusan ujian pada 30 Oktober 2020 mendapati kelima-lima kes ini adalah positif COVID-19.

**b) Kes Saringan Kontak (1 Kes Baharu)**

Kes merupakan seorang lelaki warganegara tempatan yang merupakan kontak rapat kepada kes ke-847 yang dikesan pada 29 Oktober 2020. Kes tidak mengalami sebarang tanda dan gejala.

Kes telah menjalani saringan pada 29 Oktober 2020 dan keputusan ujian rT-PCR pada 30 Oktober 2020 mendapati kes adalah positif COVID-19. Siasatan lanjut dan pengesanan kontak sedang giat dijalankan.

**ii) Daerah Miri (2 Kes Baharu)**

Seramai dua (2) kes baharu telah dikesan positif COVID-19 di Daerah Miri.

**a) Kes Saringan Kontak Kepada Kluster Greenhill (1 Kes Baharu)**

Kes merupakan seorang lelaki warganegara tempatan yang merupakan seorang ahli perniagaan. Kes merupakan kontak sosial kepada kes ke-829 yang telah dikesan pada 28 Oktober 2020. Kes berada di Kuching sejak pertengahan bulan September dan pulang ke Miri pada 26 Oktober 2020 menggunakan kereta.

Kes telah menjalani saringan COVID-19 pada 27 Oktober 2020 di sebuah fasiliti kesihatan swasta di Miri dan keputusan ujian pada 28 Oktober 2020 mendapati kes adalah positif COVID-19.

Kes mengalami gejala batuk dan telah dimasukkan ke Hospital Miri pada 28 Oktober 2020 untuk rawatan lanjut. Kes dikategorikan sebagai kes yang mendapat jangkitan dari luar daerah (import C).

**b) Kes Dikesan Melalui Saringan Bergejala (1 Kes Baharu)**

Kes merupakan lelaki warganegara tempatan yang dikesan melalui saringan pesakit bergejala (*SARI*). Kes telah menjalani saringan pada 30 Oktober 2020 dan keputusan ujian mendapati kes adalah positif COVID-19 pada hari yang sama.

Kedua kes ini tidak mempunyai sejarah perjalanan ke kawasan berisiko jangkitan COVID-19 atau kontak kepada kes positif COVID-19. Sehingga punca sebenar jangkitan dikenalpasti, kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan. Siasatan lanjut dan pengesanan kontak sedang giat dijalankan.

**iii) Daerah Samarahan (1 Kes)**

Kes merupakan seorang lelaki yang mempunyai sejarah perjalanan ke Melaka. Kes tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching pada 28 Oktober 2020 dan diambil swab rT-PCR sebaik sahaja tiba. Kes telah diarahkan untuk menjalani kuarantin wajib 14 hari di bilik pengasingan, tempat kes bertugas di Kota Samarahan.

Keputusan ujian pada 30 Oktober 2020 mendapati kes adalah positif COVID-19. Kes tidak mengalami sebarang tanda dan gejala. Kes telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

Siasatan lanjut dan pengesanan kontak sedang giat dijalankan. Kes dikategorikan sebagai kes yang mendapat jangkitan dari kawasan berisiko jangkitan COVID-19 (Import B).

**B. Kluster COVID-19 Yang Masih Aktif.**

Hari ini, tiada kluster baharu yang telah dikesan. Walau bagaimanapun, terdapat lima (5) kluster yang masih aktif di Sarawak. Kluster-kluster yang masih aktif adalah seperti berikut:

**i) Kluster Baki di Daerah Kuching.**

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai 30 orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 1764 individu telah disaring, dimana:

- 30 kes dikesan positif COVID-19;
- 1477 individu negatif; dan
- 257 individu yang masih menunggu keputusan.

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 1.7%. Sehingga 31 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, semua kes yang terlibat di dalam kluster ini masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan mereka adalah dalam keadaan stabil. Tiada kematian dilaporkan melibatkan kluster ini.

Seramai 845 individu telah menjalani saringan pertama melalui pengesanan secara aktif yang telah dijalankan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak di Kampung Haji Baki pada 25 Oktober 2020. 828 individu adalah negatif dan 17 individu adalah positif COVID-19.

Seramai 814 individu telah menjalani saringan melalui pengesanan secara aktif yang telah dijalankan dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD Kampung Haji Baki pada 29 Oktober 2020. 557 adalah negatif manakala 257 individu masih menunggu keputusan makmal.

**ii) Kluster Greenhill di Daerah Kuching.**

Terdapat penambahan enam (6) kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini adalah 42 orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 143 individu telah disaring, dimana:

- 42 kes dikesan positif COVID-19;
- 101 individu negatif; dan

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 29.37%. Sehingga 31 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, semua kes yang terlibat di dalam kluster ini masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan mereka adalah dalam keadaan stabil.

**iii) Kluster Bah Arnab di Daerah Kuching.**

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai dua belas (12) orang termasuk kes indeks.

**iv) Kluster Putra di Daerah Bintulu.**

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini seramai lima (5) orang termasuk kes indeks.

**v) Kluster Seladah di Daerah Kuching.**

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai tujuh (7) orang termasuk kes indeks.

**C. Status Kes COVID-19 Di Dalam Wad Pengasingan Hospital.**

Dimaklumkan juga bahawa **tiada (0)** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital pada hari ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini adalah kekal seramai **748** orang atau **84.9%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **114** orang iaitu:

- 97 kes di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak;
- 14 kes di Hospital Miri;
- Dua (2) kes di Hospital Sibul; dan
- Satu (1) kes di Hospital Bintulu.

**Tiada** kes COVID-19 yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) pada hari ini. **Tiada** kes kematian baharu dilaporkan pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kematian adalah kekal seramai **19 orang atau 2.16%**.

Hari ini **14 PUI** baru telah dilaporkan dan **satu (1)** PUI yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

#### **D. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.**

Hari ini, daerah Kuching kekal berstatus merah dengan jumlah keseluruhan seramai 86 kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Daerah Lundu, Miri dan Limbang juga kekal berstatus kuning. Ini menjadikan jumlah daerah yang berstatus Merah adalah satu (1) buah daerah, tiga (3) berstatus Kuning dan 36 buah daerah yang lain di Sarawak kekal berada dalam status Hijau.



## **2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA**

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak ingin mengingatkan bahawa, penyebaran berita palsu adalah salah di sisi undang-undang dan ianya akan memburukkan lagi keadaan.

Terdapat beberapa agensi, pertubuhan dan syarikat telah mengambil inisiatif untuk membuat senarai tempat mereka sendiri yang menunjukkan "Kawasan Pendedahan Kepada Risiko Tinggi COVID-19". Senarai tersebut telah diedarkan dan tular di media sosial. Penularan berita tersebut telah berlaku dan ianya telah menimbulkan kekeliruan kepada orang ramai.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri ingin menjelaskan bahawa JPBN **TIADA** mengeluarkan senarai tersebut dan ingin memaklumkan kepada orang ramai agar selalu berwaspada dan berhati-hati dengan berita palsu.

Semua maklumat akan disahkan oleh JPBN dan hanya akan dikeluarkan secara rasmi setiap hari melalui kenyataan media.

## **3. LAPORAN NOTIS KOMPAUN / AMARAN / SITAAN**

Hari ini pihak PDRM telah mengeluarkan **enam (6) kompaun** di Daerah Kuching (3), Miri (2) dan Betong (1).

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **173 amaran lisan, bertulis dan sitaan** di kawasan seliaan DBKU (57), MPP (36), BDA (27), SMC (20), SRDC (10), MD Marudi (10), MBKS (7), MD Serian (3) dan MB Miri (3).

#### **4. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)**

Hari ini sebanyak **1,417 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (208), Restoran (275), Kilang (13), Bank (114), Pejabat Kerajaan (37), Penjaja (28), Pasar Tani/Awam (64), Tempat Ibadah (51), Tempat Riadah (40), Tapak Pembinaan (23) dan lain-lain (564).

Seramai **514 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (240), ATM (31), RELA (124), APM (82), PBT (32) dan KKM (5).

#### **5. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG**

Hari ini terdapat **7 sekatan jalan raya** di 6 buah daerah iaitu di Lawas (2), Lundu (1), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Melalui 7 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,033** jumlah kenderaan telah diperiksa.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives**  
**Jaga Sarawak Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**  
**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**  
**31 OKTOBER 2020**  
**5.00 PETANG**

**MAKLUMAT TAMBAHAN****1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK**

Kes Terdahulu	872	Kes sedang dirawat di hospital	114	12.94%
Kes Baharu	9	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	144,468	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>intubated</i> )	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	881	Jumlah kes kematian	19	2.16%
IR per 100,000 penduduk	28.56	Kes telah sembuh dan discaj	748	84.90%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	Kumulatif	Baru	Kumulatif
Negatif	9	9,219	14	10,101
Menunggu keputusan	1	1		

Status Semasa	SGH Kuching	Hospital Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital	97	2	1	14	0	114
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>Intubated</i> )	0	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian	17	0	0	2	0	19
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	0	0	0	0	0
	Kumulatif	618	39	46	43	2
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital ( <i>Re-tested Positive</i> )	9	9	3	1	0	22

Sumber: **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

DAERAH MERAH (1)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kuching	7	6,708	6	559	0	453	0	12	94	98	86
<b>Jumlah</b>		<b>7</b>	<b>6,708</b>	<b>6</b>	<b>559</b>	<b>0</b>	<b>453</b>	<b>0</b>	<b>12</b>	<b>94</b>	<b>98</b>	<b>86</b>

DAERAH KUNING (3)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lundu	0	258	0	4	0	3	0	0	1	1	1
2	Miri	2	857	2	44	0	30	0	1	13	13	5
3	Limbang	0	33	0	11	0	9	0	1	1	1	1
<b>Jumlah</b>		<b>2</b>	<b>1148</b>	<b>2</b>	<b>59</b>	<b>0</b>	<b>42</b>	<b>0</b>	<b>2</b>	<b>15</b>	<b>15</b>	<b>7</b>

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

DAERAH HIJAU (36)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Samarahan	1	574	1	114	0	109	0	4	1	1	0
2	Bintulu	1	314	0	47	0	46	0	0	1	1	0
3	Lubok Antu	0	28	0	3	0	3	0	0	0	0	0
4	Sibu	1	120	0	17	0	15	0	0	2	2	0
5	Lawas	0	21	0	4	0	4	0	0	0	0	0
6	Serian	0	315	0	25	0	24	0	0	1	1	0
7	Bau	1	180	0	7	0	7	0	0	0	0	0
8	Simunjan	1	64	0	8	0	8	0	0	0	0	0
9	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
10	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
11	Asajaya	0	44	0	5	0	5	0	0	0	0	0
12	Sri Aman	0	54	0	4	0	3	0	1	0	0	0
13	Betong	0	190	0	16	0	16	0	0	0	0	0
14	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
15	Matu	0	6	0	1	0	1	0	0	0	0	0
16	Sarikei	0	92	0	6	0	6	0	0	0	0	0
17	Saratok	0	26	0	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Daro	0	7	0	1	0	1	0	0	0	0	0
29	Kapit	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>5</b>	<b>2,245</b>	<b>1</b>	<b>263</b>	<b>0</b>	<b>253</b>	<b>0</b>	<b>5</b>	<b>5</b>	<b>5</b>	<b>0</b>

<b>Jumlah Besar</b>	<b>14</b>	<b>10,101</b>	<b>9</b>	<b>881</b>	<b>0</b>	<b>748</b>	<b>0</b>	<b>19</b>	<b>114</b>	<b>118</b>	<b>93</b>
---------------------	-----------	---------------	----------	------------	----------	------------	----------	-----------	------------	------------	-----------

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **65 Person Under Surveillance (PUS)** telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **24 buah hotel** adalah seramai **2,327 orang**. Manakala seramai **28,780 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 31.10.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (1,456)	Hock Lee	169
2		Kuching Park	143
3		Hilton	322
4		Harbour View	267
5		Riverside (Astana Wing)	239
6		Tune Hotel	81
7		Dormani Hotel	57
8		Grand Continental	178
9	Miri (494)	Mega Hotel	89
10		Imperial Palace	88
11		Eastwood Valley	60
12		Meritz	83
13		Miri	34
14		Dynasty	103
15		Citi Hotel	37
16	Bintulu (118)	Wasan Inn	25
17		Kidurong Inn	31
18		Motel Kapok	42
19		Faber Inn	20
20	Limbang (134)	Purnama	58
21		Seri Malaysia (Lawas)	58
22		Shangshan (Lawas)	0
23		Mandarin (Lawas)	18
24	Sibu (125)	Premier	125
<b>Jumlah PUS</b>			<b>2,327</b>

**3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)**

Hari ini, sebanyak **9 lokasi di Kuching (6)**, operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,879 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 31.10.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>OPERASI SEMASA</b>	<b>OPERASI TERKUMPUL</b>
<b>1</b>	<b>Kuching</b>	<b>6</b>	<b>615</b>
<b>2</b>	<b>Miri</b>	<b>1</b>	<b>352</b>
<b>3</b>	<b>Sibu</b>	<b>1</b>	<b>187</b>
4	Samarahan	TIADA	124
5	Bintulu	TIADA	116
6	Sarikei	TIADA	115
<b>7</b>	<b>Limbang</b>	<b>1</b>	<b>87</b>
8	Serian	TIADA	69
9	Betong	TIADA	57
10	Sri Aman	TIADA	53
11	Kapit	TIADA	53
12	Mukah	TIADA	51
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>1,879</b>

**4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Hari ini, sebanyak **47 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 31.10.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	MP Padawan	2
2	MD Serian	3
3	MD Sri Aman	4
4	MP Sibu	9
5	BDA	4
6	MCC	11
7	MD Marudi	5
8	MD Limbang	2
9	MD Lawas	7
<b>Jumlah</b>		<b>47</b>